

## **JKM PSP BAIK PULIH RUMAH PAM KAMPUNG SUNGAI RAMBAI**

**4 Mac 2023** – Jabatan Kejuruteraan Mekanikal (JKM), Politeknik Seberang Perai (PSP) telah bersama-sama berganding bahu dalam program khidmat masyarakat yang dianjurkan oleh Ketua Kampung Sungai Rambai bertempat di Kampung Sungai Rambai, Bandar Baharu, Kedah.

Penduduk di situ menggunakan air sungai bagi kegunaan sehari-hari disamping bekalan air daripada pihak Syarikat Air Darul Aman Sdn Bhd (SADA). Kerja-kerja pembaikan rumah pam dilaksanakan bermula jam 10 pagi sehingga jam 12:30 tengah hari. Para Pensyarah dan Pelajar JKM PSP telah menghulurkan bantuan dalam kerja-kerja membaik pulih rumah pam, pembersihan kolam takungan, menukar sambungan paip utama dan penggantian filter di kawasan takungan air serta menukar bumbung rumah pam yang telah rosak. Bantuan ini adalah bagi memastikan air dapat disalurkan ke kampung dengan lancar.

Pihak JKM juga berpeluang untuk berkongsi ilmu kemahiran dan mempromosi program yang ditawarkan di PSP kepada penduduk setempat. Antara aktiviti yang dijalankan adalah demonstrasi 3D printer, teknik mewarna batik dan teknik urutan tradisional. Pasukan JKM juga mengadakan gotong royong di sekitar surau Kg Sg Rambai.

Majlis turut diserikan dengan kehadiran Yang Berhormat Dato' Norsabrina binti Mohd Noor, wakil rakyat kawasan Bandar Baharu. YB amat berbesar hati dan berterima kasih kepada pihak JKM PSP dengan perkongsian yang telah dilaksanakan oleh pihak Politeknik dan mengharapkan usaha ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Pihak jawatankuasa Kampung Sungai Rambai amat berbesar hati atas perkongsian kepakaran dan bantuan yang telah dihulurkan. Diharapkan

penduduk kampung dapat menggunakan sumber air semulajadi ini dengan lancar dan mendapat manfaat daripada aktiviti kemahiran yang dijalankan.

















